

TARIKH	3 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	setempat

Peluang bagi ibu tunggal

KELANA JAYA: Kebenaran mengeluarkan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ternyata memberi peluang kepada seorang ibu tunggal dari Dengkil, Selangor untuk memenuhi Rukun Islam Kelima itu.

Zuraidah Marjanon, 48, bersyukur kerja kerasnya lebih 20 tahun sebagai penjawat awam berbaloi apabila impian untuk menunaikan haji termakbul selepas dia mengeluarkan simpanan KWSP bagi pendaftaran Tabung Haji (TH) beberapa tahun lalu.

"Sejak dari mula bekerja, saya sudah meletakkan matlamat dan azam supaya simpanan KWSP ini digunakan bagi mengerjakan haji. Alhamdulillah, Tuhan memakbulkan hasrat berkenaan," kata ibu kepada dua anak itu.

Katanya, walaupun berdebar kerana pertama kali menunaikan haji, namun dia berharap segala ilmu yang

dipelajari ketika mengikuti kursus haji sejak dua tahun lalu mampu memudahkan urusan ibadat di sana.

"Saya bersyukur kerana TH selalu mengambil berat jemaah yang bakal menunaikan haji supaya sentiasa mempraktikkan kursus

yang diberi. Setakat ini, saya sentiasa berusaha untuk menjadikan ibadat haji nanti mendapat haji yang mabrur," katanya.

Zuraidah berkata, pemergian ke Tanah Suci sesuatu yang sangat berharga dan sudah tiba baginya untuk mengabdikan diri di hadapan rumah Allah dengan melaksanakan ibadat dengan sempurna.

"Janganlah kita tunggu sehingga usia emas untuk mengerjakan haji, sekiranya sudah berkemampuan dan sihat tubuh badan daftarlah segera di TH. Ini kerana dengan usia yang masih muda, kita dapat beribadat dengan mudah," katanya.



ZURAIDAH...berbaloi
yang diberi. Setakat ini, saya